JABATAN PELAJARAN MELAKA

UJIAN PENGESANAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. ***Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan***
2. ***Jawab semua soalan***

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

[Lihat sebelah

2010 Hak cipta Jabatan Pelajaran Melaka

1 Rajah berikut menunjukkan kegiatan ekonomi masyarakat Zaman Paleolitik.



Apakah X ?

A Mananam padi

B Memburu binatang

C Mengusahakan tembikar

D Menjalankan perdagangan

2 Dalam tamadun awal manusia raja mendakwa dirinya sebagai wakil Tuhan Mengapa?

A Mendapat pengiktirafan

B Mengukuhkan kedudukan

C Melicinkan pentadbiran

D Menguasai ekonomi

3 Sekiranya anda seorang warganegara lelaki di Athens, anda layak menganggotai

A Dewan Senat

B Dewan Rakyat

C Dewan Negara

D Dewan Perhimpunan

4 Rajah berikut menunjukkan perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan di Yunani.



Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

A Rampasan kuasa rakyat

B Kekuatan pengaruh konsul

C Kebangkitan golongan patrician

D Penguasaan pemerintah tentera

5 Senarai di bawah merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Kedah Tua
- Srivijaya

Apakah persamaan peranan antara kedua-dua kerajaan di atas?

A Pusat membina kapal

B Pengeluaran emas

C Pelabuhan entrepot

D Penghasilan rempah

6 Apakah kemahiran yang perlu dimiliki oleh masyarakat maritim untuk membentuk sebuah kerajaan yang maju?

A Membuat perahu

B Mengusahakan tanaman

C Membina kubu pertahanan

D Menguruskan sistem pengairan

7 Maklumat di bawah menggambarkan peristiwa pembukaan Kota Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w.



Apakah nilai yang patut dicontohi oleh generasi hari ini berdasarkan peristiwa tersebut?

A Tolak ansur

B Amanah

C Pemaaf

D Kasih sayang

8 Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. *bertahannuth* di Gua Hirak?

A Menyembunyikan diri daripada orang Quraisy

B Menyelesaikan masalah golongan Yahudi

C Mengasingkan diri untuk beribadat

D Mendalami ilmu agama

9 Rajah berikut menerangkan isi kandungan Perjanjian Aqabah Pertama



Apakah X?

A Menyediakan tempat tinggal

B Meninggalkan amalan jahiliah

C Menghentikan persengketaan

D Menjanjikan keselamatan

10 Pada pendapat anda mengapakah negara kita mengadakan majlis sambutan “maal hijrah” pada setiap tahun?

A Menghargai perjuangan terdahulu

B Memupuk persaudaraan bangsa

C Mengingati sejarah kerasulan

D Menyemai jati diri

11 Maklumat di bawah berkaitan kaedah pemilihan Khalifah al-Rasyidin.

Cadangan satu nama daripada khalifah terdahulu

Kaedah pemilihan di atas merujuk kepada khalifah

A Abu Bakar al-Siddiq

B Umar al-Khattab

C Uthman bin Affan

D Ali bin Abu Talib

12 Pernyataan di bawah merujuk kepada peristiwa yang berlaku dalam Perang Siffin.

Khalifah Ali sanggup menghentikan peperangan apabila pihak musuh mengangkat al-Quran

Mengapakah beliau bertindak demikian?

A Strategi peperangan jangka panjang

B Menghormati keputusan musuh

C Bilangan kematian meningkat

D Mengutamakan keharmonian

13 Senarai di bawah memperlihat sifat-sifat mahmudah yang ditunjukkan oleh pedagang Islam semasa berurusniaga di Asia Tenggara.

- Amanah
- Lemah lembut
- Bersopan santun

Apakah jawatan yang dianugerahkan kepada pedagang yang memiliki sifat tersebut?

A Bendahara

B Laksamana

C Syahbandar

D Mubaligh

14 Mengapakah undang-undang syariah tidak dapat dilaksanakan pada awal kedatangan Islam di Asia Tenggara?

A Didiami masyarakat majmuk

B Pengaruh Hindu-Buddha

C Halangan penjajah Barat

D Terikat peraturan adat

15 Apakah kesan yang berlaku sekiranya seseorang rakyat menderhaka kepada sultan yang memerintah pada zaman masyarakat Melayu tradisional?

A Ditimpa tulah

B Dibuang daerah

C Dihukum penjara

D Dilucut kerakyatan

16 Antara berikut manakah ciri sistem madrasah yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tradisional?

I Diawasi oleh mudir

II Tiada batasan waktu

III Melahirkan guru agama

IV Berdasarkan sukatan pelajaran

. A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

17 Maklumat di bawah berkaitan penyelewengan golongan penguasa Gereja Katolik sejak abad ke 10.

- Penjualan sijil Indulgences
- Mengamalkan gaya hidup pemerintah

Apakah tindakan yang diambil oleh Martin Luther untuk mengatasi situasi tersebut?

A Menguasai Gereja Katolik

B Menyebar idea pembaharuan

C Memperkenal Mazhab Protestan

D Mempengaruhi pemikiran cendekiawan

18 Maklumat berikut merupakan gerakan pekerja yang berlaku di Britain pada abad ke 19

Pergerakan Luddite

Mengapakah peristiwa di atas berlaku?

A Menuntut kenaikan gaji

B Memelihara buruh wanita

C Mewujudkan kesatuan sekerja

D Mempertahan kaedah tradisional

19 Mengapakah Tanah Melayu menjadi tumpuan negara-negara Eropah pada abad ke 18?

A Tempat pasaran

B Tenaga buruh ramai

C Penyebaran ideologi

D Kekayaan bahan mentah

20 Jadual berikut menunjukkan jumlah eksport getah di Tanah Melayu mengalami kemerosotan antara tahun 1929 hingga tahun 1932

Tahun	Nilai (pound sterling)
1929	50 785 000
1931	13 806 000
1932	9 077 000

Mengapakah berlakunya keadaan tersebut?

A Musim kemarau melampau

B Kemelesetan ekonomi dunia

C Persaingan getah tiruan

D Serangan penyakit

21 Apakah tujuan awal imperialisme Barat di Asia Tenggara?

A Menyebar tamadun barat

B Mendapatkan tenaga buruh

C Menguji teknologi perkapalan

D Menguasai perdagangan rempah

22 Rajah berikut berkaitan dengan pentadbiran Sepanyol di Filipina



Mengapakah sistem Encomienda dibenci oleh penduduk Filipina?

I Bayaran cukai tinggi

II Kerahan tenaga dilaksana

III Bahasa pribumi terpinggir

IV Kemerosotan ekonomi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

23 Rajah dibawah menunjukkan hasil karya penulisan agung di Asia Tenggara pada abad ke- 19

Penulis	Karya
Jose Rizal	Noli Me Tangere

Apakah implikasi daripada penulisan novel di atas?

A Mengangkat martabat penulis

B Menyuburkan idea demokrasi

C Mencetus gerakan nasionalisme

D Memperkaya hasil kesusasteraan

24 Mengapakah pemerintahan Raja Vajiravudh tidak disenangi oleh rakyat Thailand?

A Boros berbelanja

B Bersikap pilih kasih

C Menindas rakyat miskin

D Menyalahgunakan kuasa

25 Mengapakah timbulnya bantahan pemimpin tempatan terhadap James Brooke di Sarawak
pada tahun 1842?

A Pemerintahan lemah

B Penguasaan daerah pedalaman

C Mencampuri adat resam tempatan

D Mengamalkan sikap pilih kasih

26 Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan terhadap British.

Kemarahan penduduk Terengganu terhadap British menyebabkan berlakunya kebangkitan bersenjata pada bulan Mei 1928

Mengapakah tercetusnya gerakan tersebut?

A Ekonomi sara diri dihapus

B Kuasa pembesar terhakis

C Pengenalan peraturan tanah

D Pembinaan bangunan kerajaan

27 Tokoh berikut merupakan pendokong gerakan reformis Islam di Mesir

Syeikh Muhammad Abduh (Pensyarah Universiti al Azhar)

Apakah isu yang diutarakan oleh beliau?

A Sistem ekonomi Islam

A Penekanan ilmu akhirat

B Amalan ibadat yang betul

D Penentangan terhadap penjajah

28 Antara kejayaan yang dicapai oleh Muhammad Eunus bin Abdullah dalam menjaga kebajikan orang Melayu di Singapura ialah

A peningkatan taraf hidup

B peluasan peluang pekerjaan

C kawasan petempatan khas

D pembinaan sekolah aliran agama

29 Maklumat di bawah merupakan cara menyatukan negara bangsa di Eropah.

Otto Eduard Von Bismark menggunakan amalan realpolitik di Jerman

Apakah prinsip yang dibawa dalam amalan realpolitik di negara tersebut?

I Kerjasama

II Penipuan

III Tipu helah

IV Rundingan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

30 Manakah antara negeri berikut menggunakan Hukum Kanun Melaka sebagai asas dalam penggubalan undang-undang negeri masing masing?

A Kedah

B Perak

C Kelantan

D Terengganu

31 Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem pentadbiran di Kelantan

Golongan pembesar bergelar Nik dan Wan dilantik sebagai pembesar negeri

Apakah kesan yang diharapkan daripada perlantikan tersebut?

A Ekonomi negeri bertambah baik

B Kewibawaan sultan diperkukuh

C Pembangunan berjalan lancar

D Keamanan dalam negeri

32 Maklumat berikut menerangkan perbilangan adat di Negeri Sembilan.

Alam beraja
Luak berpenghulu
Suku Berlembaga
Anak buah berbuapak

Kesimpulan yang sesuai daripada perbilangan di atas ialah

A raja berkuasa mutlak

B rakyat berkuasa melantik raja

C amalan sistem raja berpelembagaan

D pemerintahan bercorak demokrasi

33 Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu



Apakah alasan British memperkenalkan Malayan Union?

A Memperkukuh kuasa politik bumiputera

B Menjimatkan kos pentadbiran

C Menyatukan pelbagai kaum

D Memperkasa ketenteraan barat

34 Mengapakah golongan Melayu radikal menyokong konsep Malayan Union?

A Sistem feudal kekal

B Dijanjikan kemerdekaan

C Negara bangsa moden dibentuk

D Ekonomi penduduk dipertingkat

35 Maklumat di bawah berkaitan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Sikap politik orang Melayu yang sederhana mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu

Bagaimanakah kesederhanaan yang dimaksudkan dalam maklumat di atas?

I Mengadakan kongres

II Menulis dalam akhbar

III Meminta sokongan luar

IV Mengadakan pungutan suara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

36 Bagaimanakah kaum ibu dalam Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) membantah penyerahan Sarawak kepada British?

A Melalui penulisan

B Menganjurkan mogok

C Menubuhkan persatuan

D Menyertai demonstrasi

37 Mengapakah Dato' Onn dikritik hebat oleh masyarakat Melayu pada tahun 1951?

A Membawa masuk imigran Cina

B Mengasaskan parti Kemerdekaan Malaya

C Membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu

D Mengundang bukan Melayu menyertai Konvensyen Kebangsaan

38 Jadual di bawah menunjukkan usaha yang telah dilakukan oleh pemimpin tempatan di Tanah Melayu

Tahun	Perkara
1949	Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
1951	Sistem Ahli

Apakah matlamat mereka bertindak demikian?

A Menjamin kecekapan pentadbiran

B Meningkatkan tahap keselamatan

C Memperbaiki taraf hidup

D Mewujudkan perpaduan

39 Mengapakah Dato' Onn Ja'afar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) pada tahun 1951?

A Memenuhi permintaan rakyat

B Mewujudkan kestabilan politik

C Merupakan strategi menghadapi pilihanraya

D Membentuk perpaduan kaum dalam satu parti

40 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani antara Raja-Raja Melayu dengan pihak British pada 15 Ogos 1957

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

A Perluasan pengaruh komunis disekat

B Kerjasama pelbagai kaum membentuk kerajaan

C Kuasa pembesar tempatan dipulihkan semula

D British bersetuju memberi kemerdekaan

KERTAS SOALAN TAMAT

Sejarah
Mei
2010
2 1/2 jam

JABATAN PELAJARAN MELAKA

UJIAN PENGESANAN PERTENGAHAN TAHUN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 2

2 1/2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B**
2. Jawab **semua s**oalan daripada **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	**Soalan**	**Markah**
A	**1**	
	2	
	3	
	4	
B	**5**	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan

1 Jadual berikut menerangkan tentang Pembukaan Semula Kota Makkah.

Tahun	Tempat	Peristiwa
630 M. 8 H.	Kota Makkah	Pembukaan Semula Kota Makkah

(a) Berikan **dua** sebab Nabi Muhammad s.a.w. bertindak membuka semula Kota Makkah.

(i) ……

(ii) ……
[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** nama pemimpin tentera Islam yang mengetuai serangan tersebut.

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(c) Mengapakah Kota Makkah mudah dibuka semula oleh tentera Islam?

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(d) Apakah kepentingan pembukaan semula Kota Makkah dalam sejarah Islam?

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(e) Berdasarkan pemerhatian anda, apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada pembukaan semula Kota Makkah untuk kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang kaum?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

2 Penyataan di bawah menerangkan tentang pengenalan undang-undang tanah oleh British di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Penjajah British telah memperkenalkan undang-undang tanah berkonsepkan sistem Barat bagi memudahkan kerja pentadbiran tanah dan pembangunan ekonomi.

(a) Nyatakan **dua** ciri undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh pihak British?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Apakah kesan daripada pengenalan undang-undang tersebut kepada masyarakat Melayu?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Mengapakah British mewujudkan Akta Tanah Simpanan Melayu?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Senaraikan **dua** jenis undang-undang tanah yang diwujudkan di Sabah dan Sarawak yang intipati tujuan penubuhannya sama seperti Akta Tanah Simpanan Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengkajian anda terhadap undang-undang tanah, wajarkah Akta Tanah Simpanan Melayu dikekalkan pada hari ini.
Beri alasan anda.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

3 Pernyataan di bawah berkaitan nasionalisme di Asia Tenggara.

Gerakan nasionalisme paling awal berlaku di negara Filipina.

(a) Senaraikan **dua** tokoh nasionalis di negara tersebut.

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(b) Berikan **dua** tuntutan gerakan nasionalisme pada tahap pertama di Filipina.

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** tindakan yang telah diambil oleh penjajah Sepanyol bagi menangani gerakan nasionalisme berkenaan.

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(d) Mengapakah gerakan nasionalisme bercorak radikal berjaya ditangani oleh penjajah?

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

(e) Andaikan anda menjadi pemimpin nasionalis di Filipina pada waktu itu. Cadangkan **dua** tindakan yang akan anda lakukan bagi menjayakan matlamat perjuangan anda.

(i) .....

(ii) .....
[2 markah]

4 Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.



(a) Apakah **X** dan **Y**?

(i) **X** : .....

(ii) **Y** : .....

[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** undang-undang bertulis yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Nyatakan lambang-lambang negara yang terdapat dalam kesultanan berkenaan.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Apakah tanggungjawab rakyat terhadap raja dalam kesultanan tersebut?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Negara bangsa Malaysia sangat istemewa kerana terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan agama.
Cadangkan **dua** kegiatan yang boleh dilakukan bagi memperkukuhkan lagi kewujudan negara bangsa Malaysia.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja

5 Pada sekitar tahun 2205 S.M. tamadun Hwang Ho telah berkembang menjadi pusat tamadun awal dunia.

(a) Terangkan ciri-ciri tamadun Hwang Ho.
[9 markah]

(b) Jelaskan sumbangan tamadun tersebut kepada peradaban manusia.
[6 markah]

(c) Berdasarkan pengkajian anda terhadap tamadun tersebut, apakah iktibar yang boleh diperoleh untuk memajukan bidang pertanian di Malaysia?
[5 markah]

6 Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai keperibadiaan unggul yang relevan dicontohi sepanjang zaman.

(a) Ceritakan riwayat kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. sehingga baginda dilantik sebagai rasul.
[8 markah]

(b) Terangkan sifat keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. yang patut dicontohi oleh umat manusia.
[7 markah]

(c) Bagaimanakah pengamalan sifat-sifat keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. boleh membentuk sebuah negara Malaysia yang gemilang dan terbilang?
[5 markah]

7 Akhbar Melayu memainkan peranan penting dalam melahirkan semangat kebangsaan sebelum Perang Dunia Pertama.

(a) Nyatakan nama akhbar-akhbar Melayu tersebut.
[5 markah]

(b) Jelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh akhbar-akhbar berkenaan.
[10 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah akhbar menjadi medium penting yang digunakan oleh para nasionalis untuk menaikkan semangat nasionalisme orang Melayu?
[5 markah]

8 (a) Terangkan sebab-sebab Malayan Union diperkenalkan oleh penjajah British.
[7 markah]

(b) Nyatakan faktor-faktor yang mendorong orang Melayu menentang Malayan Union.
[7 markah]

(c) Andaikan anda sebagai salah seorang penduduk Tanah Melayu ketika itu. Cadangkan tindakan yang akan anda ambil bagi menentang penubuhan Malayan Union.
[6 markah]

9 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting sebagai simbol persetujuan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Nyatakan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
[8 markah]

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan kepentingan perjanjian tersebut ke arah pembentukan sebuah negara berdaulat dan maju.
[6 markah]

(c) Apakah yang akan berlaku sekiranya isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 tidak dipatuhi selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/1
Sejarah
Mei
2010
1 jam

JABATAN PELAJARAN MELAKA

UJIAN PENGESANAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

SET 2

[JAWAPAN]

Kertas 1

(Lihat sebelah

2010 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Melaka

No Soalan	Jawapan	Helaian Buku Teks	Tingkatan
1	B	ms 2	4
2	A	ms 7	4
3	D	ms 43	4
4	A	ms 43	4
5	C	ms 79	4
6	A	ms 80	4
7	C	ms 106	4
8	C	ms 107	4
9	B	ms 118	4
10	A	ms 123	4
11	B	ms 143	4
12	D	ms 148	4
13	C	ms 180	4
14	D	ms 186	4
15	A	ms 198	4
16	B	ms 203	4
17	C	ms 221	4
18	D	ms 236	4
19	D	ms 244	4
20	B	ms 250	4
21	D	ms 3	5
22	A	ms 9	5
23	C	ms 16	5
24	A	ms 22	5
25	B	ms 32	5
26	C	ms 42-43	5
27	A	ms 48	5
28	C	ms 54	5
29	C	ms 69	5
30	B	ms 80	5
31	B	ms 83	5
32	D	ms 88	5
33	B	ms 95	5
34	B	ms 100	5
35	A	ms 104	5
36	D	ms 111	5
37	C	ms 120	5
38	D	ms 118	5
39	D	ms 121	5
40	D	ms 125	5